

# BULETIN

*Kicau*

VETERINAR

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

EDISI 1/2025



KUNJUNGAN COLOMBIA |  
14 JANUARI 2025 - M/S 5

KUNJUNGAN KENYA |  
14 MAC 2025 - M/S 8

KUNJUNGAN AUSTRALIA |  
4 FEBRUARI 2025 - M/S 6

KUNJUNGAN BRAZIL |  
21 MAC 2025 - M/S 9

KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN  
KECERGASAN JABATAN PERKHIDMATAN  
VETERINAR TAHUN 2025 - M/S 16, 17



# *Perutusan* **KETUA PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya tujukan kepada Sidang Redaksi atas kejayaan menerbitkan Buletin Kicau Veterinar Bilangan 1/2025. Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, saya berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan penerbitan buletin ini.

Pada tahun 2025 ini, diharapkan lebih banyak perkongsian maklumat merangkumi pelbagai aspek disampaikan menggunakan bahasa yang ringkas dan mudah difahami.

Sekali lagi, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Kicau Veterinar dan semoga usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

**DR. AKMA BINTI NGAH HAMID**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Diterbitkan oleh:  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

# ISI KANDUNGAN

JANUARI	
TINJAUAN KPPV KE LADANG AYAM KOMERSIAL   6 JANUARI 2025	3
LAWATAN KERJA KE LADANG ZAMAN DAIRY FARM   9 JANUARI 2025	4
LAWATAN KPPV KE LADANG AGK WAGYU SDN BHD   9 JANUARI 2025	4
"KEZALIMAN TANPA SAKSI"   13 JANUARI 2025	5
KUNJUNGAN COLOMBIA   14 JANUARI 2025	5
FEBRUARI	
WAWANCARA "APA MASA DEPAN HAIWAN TERBIAR?"   2 FEBRUARI 2025	6
KUNJUNGAN AUSTRALIA   4 FEBRUARI 2025	6
PERKONGSIAN MAKLUMAT "POTENSI LEMBU HIBRID DI MALAYSIA"   22 FEBRUARI 2025	7
MAC	
KUNJUNGAN FAO UNITED NATIONS   10 MAC 2025	8
KUNJUNGAN KENYA   14 MAC 2025	8
KUNJUNGAN BRAZIL   21 MAC 2025	9
APRIL	
PELANTIKAN KPPV SEBAGAI TIMBALAN PESURUHJAYA KEHORMAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT   8 APRIL 2025	10
BENGKEL MIGRASI KLASIFIKASI FAIL JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR   9 – 11 APRIL 2025	10
LAWATAN KERJA KPPV KE FARM FRESH TAIPING   15 APRIL 2025	10
INDUSTRI TENUSU DALAM NEGARA DI NASIONAL FM   17 APRIL 2025	11
LAWATAN KERJA KPPV KE KEDAH DAN PERLIS   20-22 APRIL 2025	11
MAJLIS CLOCK-OUT PENGARAH BAHAGIAN PENGUATKUASA VETERINAR   22 APRIL 2025	11
PROGRAM KESEJAHTERAAN KEWANGAN, "KEWANGAN SEJAHTERA, INTEGRITI TERJAGA" - 29 APRIL 2025	12
PERBINCANGAN PELAKSANAAN KAM DAN SAM   30 APRIL 2025	14
MEI	
PERBINCANGAN KERJASAMA IMPORT EKSPORT ANTARA MALAYSIA DAN NEW ZEALAND   14 MEI 2025	15
MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KE-13   22 MEI 2025	15
KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2025   1 HINGGA 4 MEI 2025	16, 17
PAMERAN SEMPERNA SIDANG KEMUNCAK ASEAN-GCC KE-2 DAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN-GCCCHINA   23 MEI 2025	18

# ISI KANDUNGAN

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN INDUSTRI RUMINAN NEGARA   27 MEI 2025	20
MAJLIS IKRAR DAN PENDAFTARAN DOKTOR VETERINAR   28 MEI 2025	21
MAJLIS PELUNCURAN LAPORAN INTERIM BANCI PERTANIAN 2024   29 MEI 2025	21
<b>JUN</b>	
OPS KORBAN MEGA BERSEPADU 2025   3-5 JUN 2025	22
MAJLIS QURBAN MALAYSIA MADANI SEKAMPUNG   8 JUN 2025	22
MAJLIS QURBAN MALAYSIA MADANI SEKAMPUNG SIRI 2 DAN SIRI 3   10 JUN 2025	23
SESI TAKLIMAT BERKAITAN KONSULTASI BERSAMA KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI KERAJAAN BERKEPENTINGAN BAGI CADANGAN PINDAAN AKTA BINATANG 1953 DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)   11 JUN 2025	23
SIMPOSIUM PENYELIDIKAN VETERINAR – BIDANG AGRONOMI DAN PEMAKANAN TERNAKAN 2025   12 JUN 2025	24
LAWATAN DELEGASI DARI NATIONAL FISHERY PRODUCTS QUALITY MANAGEMENT SERVICE (NFQS) BERSAMA DEPARTMENT OF AQUALIFE MEDICINE, KONJU NATIONAL UNIVERSITY, REPUBLIC OF KOREA KE MAKMAL VETERINAR ZON TENGAH (MVZT)   17 JUN 2025	24
BENKEL KONSULTASI BERSAMA PEMEGANG TARUH DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BAGI PENILAIAN CADANGAN ARAHAN DAN GARIS PANDUAN BAHARU BAGI ARAHAN DOKTOR VETERINAR (KEPERLUAN PREMIS DAN AMALAN HAIWAN KESAYANGAN) 2/2015   18-19 JUN 2025	25
PROGRAM ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL “PEGAWAI BERINTEGRITI, MARUAH DIHORMATI, HAK DILINDUNGI”   20 JUN 2025	25
TAHNAH DR HISHAM   22 JUN 2025	26
SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA TAHUN 2025   23 JUN 2025	27
DVS SERTA SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN   27 JUN 2025	28

**TINJAUAN KPPV KE LADANG AYAM KOMERSIAL | 6 JANUARI 2025**



**L**awatan Kerja Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar ke Ladang Ternakan Ayam, Acres Farming yang terletak di Kapar pada 6 Januari 2025.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat secara lebih dekat pengurusan ladang ayam komersial dalam amalan pengurusan ladang yg baik dalam mengurangkan kcau ganggu seperti bau busuk dan lalat.

TAHUKAH ANDA





## AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 [AKTA 772]

Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] memperuntukkan beberapa seksyen khusus bagi kesalahan-kesalahan penganiayaan terhadap haiwan contohnya, dengan kejamnya memukul, menyepak, mendera atau mencacatkan mana-mana haiwan dengan apa-apa cara.

Tafsiran haiwan di bawah Akta 772 bererti apa-apa makhluk hidup selain manusia termasuklah apa-apa haiwan, burung, haiwan akuatik, reptilia atau serangga tetapi tidak termasuk hidupan liar di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

**Seksyen 29** (penganiayaan haiwan)

**Seksyen 30** (pembunuhan haiwan dengan menembak haiwan dengan senjata api tanpa kebenaran pihak berkuasa Veterinar)

**Seksyen 31** (pemberian racun)

**Seksyen 32** (pelagaan haiwan)

**JIKA DIDAPATI BERSALAH!**

Boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772]



**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**

**MALAYSIA MADANI** 

[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)




## LAWATAN KERJA KE LADANG ZAMAN DAIRY FARM | 9 JANUARI 2025



Seterusnya Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar meneruskan lawatan kerja beliau ke Ladang Zaman Dairy Farm di Bentong, Pahang pada 9 Januari 2025.


## LAWATAN KPPV KE LADANG AGK WAGYU SDN BHD | 9 JANUARI 2025

Lawatan kerja Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 9 Januari 2025 ke Ladang AGK Wagyu Sdn. Bhd. di Raub, Pahang diiringi YH Dato' Dr. Kamaliah binti Ghazali, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.



**"KEZALIMAN TANPA SAKSI" | 13 JANUARI 2025**

**W**awancara di konti Nasional fm yang berlangsung pada 13 Januari 2025 jam 10.30 hingga 11.00 pagi bersama Dr. Marzuna binti Md Yunus, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mengupas topik "KEZALIMAN TANPA SAKSI".



*Kunjungan Luar Negara*

**KUNJUNGAN COLOMBIA | 14 JANUARI 2025**

**K**unjungan hormat daripada Ambassador of Colombia to Malaysia, His Excellency Alejandro Rosselli Londoño dan Ms Natalia Cubillos, Third Secretary, Embassy of Colombia bertempat di Wisma Tani, Putrajaya.

Sesi ini turut disertai Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar serta para pegawai kanan DVS. Pertemuan ini direalisasikan bagi membincangkan kerjasama yang sedia terjalin melibatkan hubungan perdagangan haiwan dan produk haiwan di antara kedua-dua buah negara.



## WAWANCARA "APA MASA DEPAN HAIWAN TERBIAR?" | 2 FEBRUARI 2025

Wawancara Dr. Marzuna binti Md Yunus, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Selamat Pagi Malaysia RTM yang telah mengupas topik berkaitan "APA MASA DEPAN HAIWAN TERBIAR?" jam 8.10 pada 2 Februari 2025.

Turut serta dalam wawancara tersebut ialah Encik Arie Dwi Andika, Presiden Persatuan Haiwan Malaysia.



## Kunjungan Luar Negara

### KUNJUNGAN AUSTRALIA | 4 FEBRUARI 2025

Kunjungan hormat daripada Kaunselor Pertanian, Suruhanjaya Tinggi Australia, Dr. Kate Makin yang baharu memulakan tugas beliau di Malaysia pada awal 2025.

Sesi ini turut disertai oleh Encik Hafiz Burkhan, Pegawai Penyelidik daripada Suruhanjaya Tinggi Australia bersama pegawai kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, pegawai-pegawai Seksyen Perkhidmatan Import Eksport, Seksyen Pemeriksaan dan Pensijilan Veterinar, Seksyen Pelaburan dan Pembangunan Usahawan, Seksyen Antarabangsa dan Unit Tenusu.



**PERKONGSIAN MAKLUMAT "POTENSI LEMBU HIBRID DI MALAYSIA" | 22 FEBRUARI 2025**

**S**eminar bertajuk "Potensi Lembu Hibrid di Malaysia" yang disampaikan oleh Dr. Saifullizam bin Abd Kadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pada 22 Februari 2025 sempena PAKAR Agriculture Expo and Seminar di MAEPS, Serdang, Selangor.



**TAHUKAH ANDA?**



**Lembu sebenarnya tidak dapat melihat warna *merah***

Lembu melihat secara penglihatan dikromatik. Mereka hanya dapat melihat variasi dua warna iaitu kuning dan biru. Mereka tidak mempunyai reseptor merah pada retina mereka, menjadikan mereka buta warna kepada warna merah.



## KUNJUNGAN FAO UNITED NATIONS | 10 MAC 2025



**K**unjungan hormat daripada Penolong Ketua Pengarah, Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO), Dr. Thanawat Tiensin bagi membincangkan beberapa perkara yang boleh diusahakan bersama dan membawa kepada kata sepakat di antara kedua-dua pihak mengenai kerjasama baharu yang boleh dilaksanakan untuk manfaat sektor penternakan negara.



## Kunjungan Luar Negara

### KUNJUNGAN KENYA | 14 MAC 2025

**K**unjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Kenya ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Ekitela Moru. Dalam perjumpaan ini, pihak Republik Kenya berhasrat untuk menjalinkan pelbagai kerjasama baharu merangkumi bidang pembiakbakaan, pembangunan modal insan, pasaran produk haiwan dan perkongsian teknologi serta informasi dalam sektor penternakan. Kedua-dua pihak bersetuju untuk memastikan jalinan kerjasama tersebut dapat direalisasikan seiring dengan hubungan diplomatik sedia ada di antara kedua-dua buah negara yang telah memasuki 60 tahun.



## Kunjungan Luar Negara

### KUNJUNGAN BRAZIL | 21 MAC 2025

DVS menerima kunjungan hormat daripada Atase Pertanian Malaysia di Kedutaan Brazil, Encik Dalci de Jesus Bagolin untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan hubungan dua hala perdagangan antarabangsa melibatkan haiwan hidup dan produk haiwan.

Semoga hubungan dan kerjasama yang telah lama terjalin di antara Malaysia dan Brazil dapat diteruskan dan membawa manfaat kepada kedua-dua buah negara.



### TAHUKAH ANDA


  
 KEMENTERIAN PERTANIAN  
 DAN KETESAHANAN MAKANAN

**PENGABAIAN KEBAJIKAN & PENGANIAYAAN HAIWAN**

Laporkan melalui  
MyAnimalWelfare di laman sesawang

<https://awa.dvs.gov.my>


 Jabatan Perkhidmatan Veterinar
 


 www.dvs.gov.my

## PELANTIKAN KPPV SEBAGAI TIMBALAN PESURUHJAYA KEHORMAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT | 8 APRIL 2025

Setinggi-tinggi ucapan tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha KPKM dan Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar di atas pelantikan sebagai Timbalan Pesuruhjaya Kehormat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat pada 8 April 2025 sempena Majlis Penutupan Sambutan Bulan Pertahanan Awam Ke-73 (HUTPA 73) Tahun 2025.

Pelantikan ini mencerminkan keyakinan dan penghargaan kerajaan terhadap kepimpinan serta sumbangan besar dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana.



## BENKEL MIGRASI KLASIFIKASI FAIL JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR | 9 – 11 APRIL 2025



Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menganjurkan Bengkel Migrasi Klasifikasi Fail selama tiga hari bermula 9 hingga 11 April 2025. Bengkel ini bertujuan untuk melaksanakan migrasi sistem klasifikasi fail sedia ada kepada sistem klasifikasi fail baharu yang merangkumi urusan am dan urusan fungsian, selaras dengan pelaksanaan Digital Document Management System (DDMS) 2.0 di jabatan/agensi.

Penceramah jemputan bagi bengkel ini ialah Puan Norazilah binti Daud dan Puan Nurhayati binti Ismet daripada Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik, Arkib Negara Malaysia.

## LAWATAN KERJA KPPV KE FARM FRESH TAIPING | 15 APRIL 2025

Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar diiringi Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar mengadakan lawatan kerja ke Farm Fresh Taiping, Perak pada 15 April 2025 bagi tujuan melihat salah satu ladang yang giat memperkembangkan industri susu dalam negara.



## INDUSTRI TENUSU DALAM NEGARA DI NASIONAL FM | 17 APRIL 2025

Temubual Dr. Yuslan bin Sanuddin, Ketua Unit Tenusu, Seksyen Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar di radio Nasional fm yang telah mengupas topik "Industri Tenusu Dalam Negara" pada 17 April 2025, jam 10.30 pagi.



## LAWATAN KERJA KPPV KE KEDAH DAN PERLIS | 20-22 APRIL 2025

Sekitar lawatan kerja Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 20 hingga 22 April 2025 iaitu:-

1. Ladang Ternakan Bukhary Daerah Pokok Sena.
2. Projek Ternakan lembu wagyu, Daerah Padang Terap
3. Pusat Pembiakan Bebiri Kubang Kenyeng
4. Projek Penternakan Lembu Kubang Palas
5. Projek Baroh Rambai, Daerah Padang Terap
6. Rajin Food Industries Sdn Bhd, Sungai Petani



## MAJLIS CLOCK-OUT PENGARAH BAHAGIAN PENGUATKUASA VETERINAR | 22 APRIL 2025

Majlis *clock-out* Tuan Haji Zaharinan Abd Aziz, Pengarah Bahagian Penguatkuasa Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 22 April 2025.

Turut mengiringi majlis *clock-out* Tuan Haji Zaharinan adalah Dr. Suratn Kamarudin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Dr. Rohaya Mohd Ali, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Veterinar), pengarah-pengarah kanan, pengarah-pengarah bahagian, para pegawai serta kakitangan DVS.

Selamat bersara dan terima kasih di atas segala bakti yang dicurahkan selama ini. Semoga Tuan Haji Zaharinan akan sentiasa diberkati Allah SWT serta dimurahkan rezeki dan berbahagia bersama keluarga tercinta.



## PROGRAM KESEJAHTERAAN KEWANGAN, "KEWANGAN SEJAHTERA, INTEGRITI TERJAGA" | 29 APRIL 2025

Unit Integriti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menganjurkan Program Kesejahteraan Kewangan "Kewangan Sejahtera, Integriti Terjaga" pada 29 April 2025 bertempat di Dewan Serbaguna KPKM dengan penyertaan seramai 110 orang kakitangan DVS.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada penjawat awam mengenai pengurusan kewangan peribadi serta memupuk kesedaran tentang kepentingan mengurus kewangan dengan bijaksana.

Sesi pagi dimulakan dengan ceramah bertajuk "Keberhutangan Serius Penjawat Awam" oleh Puan Rubihazatulhuda binti Ibrahim, Ketua Unit Integriti DVS.

Seterusnya, penceramah jemputan, Puan Monarita binti Junaidi, Pengurus di Jabatan Pendidikan Kewangan, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyampaikan dua ceramah yang bertajuk "Beringat Sebelum Kena" dan "Pinjam Jangan Sampai Pitam".

Sesi petang diteruskan dengan ceramah bertajuk "Pengenalan kepada Kebankrapan Individu" yang disampaikan oleh Puan Zarina binti Alias, Pegawai Insolvensi Utama dari Jabatan Insolvensi Malaysia. Semoga pengisian dikongsi menjadi panduan berguna kepada warga DVS dalam menguruskan kewangan yang sejahtera seterusnya memastikan nilai integriti sebagai penjawat awam sentiasa terjaga.



**TAHUKAH ANDA**

**PENGENALAN**



Merupakan penjenamaan semula skim pensijilan organik yang lebih komprehensif dan menggabungkan subsektor tanaman, ternakan dan akuakultur untuk mengiktiraf ladang yang diusahakan secara organik mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

myOrganic mula diperkenalkan pada tahun 2015



Program skim Amalan Pertanian Baik (APB) @ Good Agriculture Practices (GAP) diperkenalkan melalui tiga agensi pelaksana di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) iaitu:

- Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) oleh Jabatan Pertanian (2022)
- Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (2003)
- Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) oleh Jabatan Perikanan (2004).

myGAP dilancarkan pada tahun 2013

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

**KRITERIA**



Kemudahan dan Pengurusan Ladang	Pengurusan Sumber Ternakan
Pengurusan Sumber Makanan	Penggunaan Ubat-ubatan
Program Kesihatan Ternakan	Pengurusan Sumber Minuman
Pengurusan Sisa Ladang dan Pencemaran	Pengurusan Kawalan Makhluk Perosak
Kebajikan Haiwan	Pengangkutan
Pengurusan Rekod	

Premis dan Infrastruktur	Program Biosekuriti
Program Kesihatan Ternakan	Penggunaan Ubatan, Vaksin, dan Bahan Kimia
Pengurusan Sumber dan Input Ladang	Penyelenggaraan dan Sanitasi
Pengurusan Sisa Ladang dan Pencemaran	Pengurusan Kawalan Makhluk Perosak
Kebajikan Haiwan	Pengurusan Rekod



Jabatan Perkhidmatan Veterinar

[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

## PERBINCANGAN PELAKSANAAN KAM DAN SAM | 30 APRIL 2025



**D**r. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KPPV) hadir dalam sesi perbincangan bagi pelaksanaan Program Kampung Angkat Madani (KAM) dan Sekolah Angkat Madani (SAM).

Sesi pertama perbincangan adalah bersama Pengetua SMK Lambor Kiri, YBrs. Tuan Haji Izamudin bin Ismail dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru, YBrs. Encik Megat Mahmud bin Megat Yusof di SMK Lambor Kiri, Lambor, Perak.

Perbincangan ini adalah bertujuan untuk membincangkan keperluan selaras dengan objektif pelaksanaan Projek SAM dan KAM.

KPPV meneruskan lawatan ke Pusat Agropreneur Muda, Kampung Baru Layang-Layang Kanan yang di bawah bimbingan DVS.

Pada sebelah petangnya, KPPV menghadiri perbincangan bersama wakil agensi dan pihak berkuasa tempatan Perak Tengah bertempat di bilik mesyuarat DVS Perak Tengah.

Hadir sama para pegawai kanan DVS Putrajaya dan DVS Daerah Perak Tengah.



**PERBINCANGAN KERJASAMA IMPORT EKSPORT ANTARA MALAYSIA DAN NEW ZEALAND  
| 14 MEI 2025**



**D**VS telah menganjurkan mesyuarat teknikal bersama pihak Suruhanjaya Tinggi New Zealand di Kuala Lumpur, Ministry of Primary Industries (MPI) New Zealand dan Dagang net bagi membincangkan perkara-perkara teknikal berkaitan import dan eksport antara kedua-dua negara Malaysia dan New Zealand pada 14 Mei 2025 bertempat di Wisma Tani, Putrajaya.

Delegasi New Zealand terdiri daripada Ms. Emma Verry, Ms. Najla Bustaman, Dr. Natacha Kilpatrick dan Dr. Sandra Kennington. Pihak Dagang net pula diwakili oleh Encik Redzuan

Kamis dan Puan Azrin Jaimaeah.

Delegasi DVS terdiri daripada para pegawai seksyen-seksyen yang berkenaan dan mesyuarat ini telah membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan import eksport dan merungkai persoalan teknikal antara dua negara dalam perkara ini.

Semoga hubungan kerjasama antarabangsa yang terjalin di antara Malaysia dan New Zealand akan lebih erat dan memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

**MAJLIS KONVOKESYEN PERTANIAN KE-13 | 22 MEI 2025**

**J**abatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengucapkan syabas dan tahniah kepada para graduan di Majlis Konvokesyen Pertanian ke-13, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan di Dewan Plenary, PICC Putrajaya pada 22 Mei 2025.

Graduan yang diraikan terdiri daripada 2 orang graduan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), 392 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), 361 orang graduan Sijil Pertanian, 17 orang graduan Sijil Veterinar Malaysia dan 12 orang graduan Sijil Perikanan.

Dalam majlis tersebut turut disampaikan beberapa anugerah khas kepada graduan yang cemerlang iaitu Nurul Aini Maisyarah

Abdul Razib (Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan & Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar); Muhammad A'inul Yaqin Mohd Shukry (Anugerah Khas Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian & Anugerah Khas Usahawan Agrobank); Nur Izzatul Amirah Sabri (Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian) dan Muhammad Ajmal Azri (Anugerah Khas Ketua Pengarah Perikanan).

Majlis turut dihadiri YBhg. Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha KPKM; YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KPKM dan Pegawai-Pegawai Kanan KPKM.



## KONVENSYEN KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR TAHUN 2025 | 1 HINGGA 4 MEI 2025

### PUTRAJAYA



EMAS  
3



GANGSA  
3



**K**onvensyen Kecemerlangan dan Kecergasan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Tahun 2025 telah diadakan bermula 1 hingga 4 Mei 2025 bertempat di Pulau Pinang.

Upacara perasmian telah dirasmikan oleh Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar pada 2 Mei 2025 bertempat di Mini Stadium Jalan Betek, Bukit Mertajam, Pulau Pinang manakala majlis penutup telah diadakan pada 4 Mei 2025 oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Zakuan bin Haji Zakaria, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Pulau Pinang.





DVS Putrajaya pada edisi kali ini menyertai 7 acara dan berjaya meraih 3 pingat emas menerusi boling wanita, bola tampar lelaki serta bola tampar wanita sementara 3 pingat gangsa menerusi e-sport Mobile Legend, tarik tali dan badminton.

Tahniah kepada semua peserta yang mewakili DVS Putrajaya atas semangat juang yang jitu. Terima kasih dan tahniah juga DVS Pulau Pinang atas penganjuran konvensyen tahun ini. Semoga berjumpa lagi di negeri Melaka, negeri bersejarah sebagai tuan rumah pada edisi tahun 2027.



## PAMERAN SEMPERNA SIDANG KEMUNCAK ASEAN-GCC KE-2 DAN SIDANG KEMUNCAK ASEAN-GCC-CHINA | 23 MEI 2025

**D** Bersempena Sidang Kemuncak ASEAN-GCC ke-2 dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bersama jabatan/agensi di bawah KPKM membawakan satu pameran menarik untuk kunjungan orang awam dari 23 hingga 25 Mei 2025 bertempat di Hall 2, Aras G, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC Convention Centre).

Pelbagai segmen pameran yang menonjolkan kejayaan negara dalam bidang pertanian, perikanan dan penternakan yang menerapkan pelbagai teknologi

moden melalui pameran-pameran berikut:

- Pameran berkaitan hidupan Akuakultur & Pemuliharaan Perikanan
- Pameran Produk Peladang
- Pameran Produk Eksport
- Pameran Buah-buahan & Sayur-sayuran
- Pameran Teknologi Ternakan (Tanaman Hiasan)
- Pameran berkaitan Penyelidikan & Pembangunan (R&D)
- Pameran AgroTeknologi



**TAHUKAH ANDA**

**FAEDAH**



**HASIL TERNAKAN**

- Dijamin organik, berkualiti dan selamat dimakan
- Ternakan ditenak secara amalan penternak organik
- Pemakanan berkhasiat yang memanfaatkan penggunaan pelbagai bahan organik dan herba dapat meningkatkan daya tahan daripada serangan penyakit dan proses penuaan



**BEBAS DARIPADA BAHAN KIMIA SINTETIK**

- Kawalan makluk perosak menggunakan kawalan biologik, mekanikal dan fizikal
- Kurang risiko terdedah kepada pengambilan bahan kimia dan ubatan yang berbahaya
- Mengelakkan pembentukan rintangan terhadap antibiotik



**MEMELIHARA ALAM SEKITAR**

- Amalan di ladang yang mengekalkan biodiversiti dan sumber biologik



**FAEDAH KEPADA PENTERNAK**

- Khidmat nasihat dan kawal selia berterusan daripada DVS
- Petunjuk kepada pengamalan tahap pengurusan dan sistem penternakan berkualiti
- Hasil ternakan diperakui selamat, berkualiti dan bebas daripada penyakit serta diiktiraf
- Daya saing yang lebih tinggi daripada segi pemasaran dan peluang pasaran tempatan dan luar negara
- Memudahkan proses permohonan dan kelulusan dokumen eksport



**FAEDAH KEPADA MASYARAKAT**

- Negara bebas daripada penyakit ternakan berjangkit dan zoonotik
- Pengamalan sistem penternakan yang baik membantu pengawalan pencemaran persekitaran serta menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat setempat
- Hasil ladang yang dikeluarkan selamat, bersih dan bermutu
- Peningkatan kesedaran terhadap kesihatan awam



Jabatan Perkhidmatan Veterinar

[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

**CARA PERMOHONAN**

**Sektor Ternakan**



Borang Permohonan myOrganic No.1

Layari website

Dapatkan borang manual di Portal Rasmi

Permohonan secara atas talian melalui google form di Portal Rasmi

<http://www.dvs.gov.my>

Sertakan dokumen sokongan lengkap seperti dibawah

Dokumen sokongan Good Animal Husbandry Practice (GAHP)

Salinan APC Doktor Veterinar Ladang

Salinan Lesen Penternakan (Jika Berkaitan)

Dokumen yang lengkap perlu dihantar secara serahan tangan ke alamat berikut



**SEKSYEN PENSIJILAN VETERINAR, BAHAGIAN REGULATORI VETERINAR**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar,  
Wisma Tani, Blok Podium 4G1, Presint 4,  
62630 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: 03-8870 2000

Faks: 03-8888 6949



Jabatan Perkhidmatan Veterinar

[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN INDUSTRI RUMINAN NEGARA | 27 MEI 2025

Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Industri Ruminan Negara yang telah diadakan pada 27 Mei 2025 merupakan mesyuarat jawatankuasa tertinggi DVS mengemukakan dan membincangkan sebarang isu berbangkit khususnya dalam gerak kerja memperkasakan pembangunan industri ruminan negara.

Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Industri Ruminan Negara Bilangan 1 Tahun 2025 berjaya dijalankan secara hibrid iaitu fizikal dan dalam talian bagi yang berada di luar ibu pejabat.

Mesyuarat ini dipengerusikan Dr. Akma Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Puan Noor Aisyah Saharani, Pengarah Pusat Penyelidikan Sains Ternakan mewakili Ketua Pengarah MARDI, wakil Setiausaha Bahagian

Biosekuriti Makanan, KPKM, YBhg. Dato' Dr. Ahmad Shafri Hassa selaku Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, Dr. Mohd Noor Hisham Mohd Haron (Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar), Pengarah-Pengarah Bahagian, wakil Pasukan Interim Lembaga Ruminan KPKM, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Pengarah VeTEC dan Ketua Bahagian Pembangunan Industri Ternakan DVS Negeri.

Mesyuarat ini berkongsi mengenai pelaporan aktiviti pembangunan industri ruminan, isu-isu semasa dan halatuju bagi Pembangunan Industri Ruminan Negara yang akan dibangunkan di bawah projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-13 sepanjang 2026- 2030.



## MAJLIS IKRAR DAN PENDAFTARAN DOKTOR VETERINAR | 28 MEI 2025

Majlis Ikrar dan Pendaftaran Doktor Veterinar telah dirasmikan oleh Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar @ Registrar Majlis Veterinar Malaysia (MVC) pada 28 Mei 2025 yang lalu.

Graduan Doktor Veterinar terdiri daripada:-

1. Institut Pertanian Bogor, Indonesia
2. Universiti Gajah Mada, Indonesia
3. Universitas Airlangga, Indonesia
4. Royal College Veterinary Surgeons
5. Bangladesh Agricultural University, Bangladesh
6. Universiti Putra Malaysia, Malaysia



## MAJLIS PELUNCURAN LAPORAN INTERIM BANCI PERTANIAN 2024 | 29 MEI 2025



Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri pada 29 Mei 2025 di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor.

Hadir sama YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM); YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan; dan YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia turut membentangkan Laporan Interim Banci Pertanian 2024 yang memaparkan dapatan awal daripada banci yang dilaksanakan di seluruh negara.

## OPS KORBAN MEGA BERSEPADU 2025 | 3-5 JUN 2025



Ops Korban Mega Bersepadu 2025 telah dilaksanakan pada 3 hingga 5 Jun 2025, melibatkan kerjasama strategik antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan MAQIS di bawah payung Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA).

Operasi melibatkan 72 pegawai serta anggota ini dijalankan di seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan bagi memantau pergerakan ternakan korban, memastikan dokumen dan juga permit pemindahan lengkap bagi menjamin tahap biosekuriti negara menjelang Aidiladha.

## MAJLIS QURBAN MALAYSIA MADANI SEKAMPUNG | 8 JUN 2025



Sebanyak dua ekor lembu baka Brahman disembelih dalam Majlis Qurban Malaysia Madani Sekampung anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Perak bertempat di Tapak Qurban Masjid Rahmaniah, Kampung Padang Changkat, Bota Kanan, Perak pada 8 Jun 2025.

Menurut Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS), tujuan utama program ini adalah menyantuni penduduk di kawasan Kampung Padang Changkat dan memberi peluang kepada penduduk kampung untuk merasai kenikmatan dan kemeriahan sambutan Hari Raya Aidiladha.

Program ini turut diadakan lagi di dua buah kampung iaitu Kampung Baru Bota Kanan dan Kampung Selat Jalan Tronoh Bota Kanan pada 10 Jun 2025.

Hadir sama wakil Timbalan Pengarah Bahagian Industri Ternakan DVS Perak, Encik Hendri bin Eri, Pegawai Veterinar Vetec Tengah, YBrs. Dr. Norasiah binti Nik, Ketua Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Perak Tengah, Encik Muhammad Faiz bin Ismail, Pengerusi Kluster Kelompok Padang Ragut Perak Tengah, Encik Abdul Halim bin Jamaluddin, Timbalan Pengerusi padang ragut Kampung Padang Changkat, Encik Shuhairi bin Nordin.

**MAJLIS QURBAN MALAYSIA MADANI SEKAMPUNG SIRI 2 DAN SIRI 3 | 10 JUN 2025**

**M**ajlis Qurban Malaysia MADANI Sekampung, Kampung Angkat MADANI DVS Malaysia Siri 2 dan Siri 3 telah diadakan bertempat di Kampung Baru Bota Kanan dan Kampung Selat, Jalan Tronoh, Bota Kanan disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Zolkafly bin Harun, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian Dan Industri Makanan Negeri Perak pada 10 Jun 2025.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia diwakili oleh Dr. Zulkifli bin Ahmad, Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak. Manakala Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak diwakili oleh Encik Hendri bin Eri, Ketua Unit Agronomi, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

Sebanyak 4 ekor ternakan lembu telah disembelih di mana sejumlah 1,128 kotak secara kumulatifnya daging Qurban telah diedarkan kepada penduduk kampung terlibat dan penghuni Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar (Rumah Warga Emas). Manakala organ dan tulang diagihkan kepada penduduk kampung dan istimewanya, ia akan dimasak menjadi sup untuk jamuan malam di Kampung Selat selepas Maghrib hari yang sama.



**SESI TAKLIMAT BERKAITAN KONSULTASI BERSAMA KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI KERAJAAN BERKEPENTINGAN BAGI CADANGAN PINDAAN AKTA BINATANG 1953 DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) | 11 JUN 2025**



**S**esi taklimat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan mendapatkan pandangan perkara berkaitan cadangan pindaan Seksyen 2, 3, 16, 31, 36 dan 79, Akta Binatang 1953 (Akta 647) serta penyediaan Perintah Binatang (Tanda Pengenalan).

Turut dihadiri oleh wakil SUK semua negeri, wakil agensi dan badan berkanun, pengarah-pengarah DVS negeri serta barisan pegawai DVS.

## SIMPOSIUM PENYELIDIKAN VETERINAR – BIDANG AGRONOMI DAN PEMAKANAN TERNAKAN 2025 | 12 JUN 2025

Simposium Penyelidikan Veterinar – Bidang Agronomi dan Pemakanan Ternakan 2025 telah berlangsung dengan jayanya pada 12 Jun 2025. Majlis ini telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dr. Rohana binti Abu Bakar selaku Pengarah Bahagian Penyelidikan Veterinar dan disempurnakan dengan ucapan penutup oleh Dr. Aida binti Muhid, Pengarah Kanan Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar.

Seramai lebih 180 peserta yang terdiri daripada pemegang taruh dalam bidang agronomi dan pemakanan ternakan, merangkumi pegawai DVS, KPKM, MARDI, penternak dan pengusaha industri telah hadir. Enam penyelidikan telah dibentangkan meliputi pembangunan mesin penuai napier yang dimodifikasi, sistem penanaman makanan ternakan secara hidroponik dan fertigasi, penggunaan teknologi UAS (dron)

dalam pembajaan dan pemantauan, pembuatan silaj berkualiti, pembangunan rangsum tempatan, serta pembangunan aplikasi pintar bagi pengiraan makanan seimbang.

Hasil-hasil penyelidikan ini merupakan hasil kerjasama antara DVS dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Projek-projek penyelidikan ini dilaksanakan menggunakan peruntukan Inisiatif Ekonomi Madani (IEM) berjumlah RM1 juta yang diselaraskan oleh Bahagian Pemodenan Pertanian (BPP), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Simposium ini turut disertai oleh pelbagai pempamer terkemuka termasuk One Lazuli Sdn Bhd, FGV Integrated Farming System Sdn Bhd, Darul Ehsan City Farming Sdn Bhd, Worldstar Agriculture Machinery, Agrobank, dan Aonic. Bahagian-bahagian dalam DVS juga turut menyediakan maklumat

berkaitan program bantuan untuk penternak ruminan, pendaftaran lesen makanan ternakan, dan teknologi penternakan moden.

Simposium ini diharapkan dapat terus memperkukuhkan industri ternakan di Malaysia melalui penyelidikan dan inovasi yang berterusan, serta membuka lebih banyak peluang kerjasama strategik dalam bidang agronomi dan pemakanan ternakan.



## LAWATAN DELEGASI DARI NATIONAL FISHERY PRODUCTS QUALITY MANAGEMENT SERVICE (NFQS) BERSAMA DEPARTMENT OF AQUALIFE MEDICINE, KONJU NATIONAL UNIVERSITY, REPUBLIC OF KOREA KE MAKMAL VETERINAR ZON TENGAH (MVZT) | 17 JUN 2025

MVZT telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Korea, terdiri daripada dua wakil dari National Fishery Products Quality Management Service (NFQS) dan dua wakil dari Department of Aqualife Medicine, Konju National University, Korea pada 17 Jun 2025.

Turut mengiringi delegasi ialah seorang jurubahasa dan seorang pegawai dari Kedutaan Republik Korea, bersama-sama lima orang wakil dari Seksyen Perkhidmatan Import/ Eksport DVS serta seorang wakil dari DVS Kuala Lumpur.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk perkongsian maklumat berkenaan pengeksporan katak hidup dari Malaysia ke Korea, terutamanya berkaitan prosedur dan keperluan perujian penyakit amfibia. Disamping itu, delegasi

juga dapat memahami lebih dekat mengenai fasiliti makmal, prosedur diagnostik serta standard kawalan kualiti yang diamalkan.

Delegasi turut diberi taklimat menyeluruh berkenaan proses pengurusan sampel, pelaksanaan ujian serta fungsi setiap unit makmal yang menyumbang kepada pengujian ini.

Selaras dengan permintaan eksport ini, MVZT telah meningkatkan keupayaan makmal dengan menambah tiga ujian khusus berkaitan penyakit amfibia, iaitu:

- *Batrachochytrium dendrobatidis*
- *Batrachochytrium salamandrivorans*
- Ranavirus

Setinggi-tinggi penghargaan

diucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Semoga lawatan ini menjadi titik tolak kepada kerjasama teknikal yang lebih kukuh antara Malaysia dan Korea dalam bidang kesihatan haiwan eksotik dan akuatik.



## BENGKEL KONSULTASI BERSAMA PEMEGANG TARUH DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BAGI PENILAIAN CADANGAN ARAHAN DAN GARIS PANDUAN BAHARU BAGI ARAHAN DOKTOR VETERINAR (KEPERLUAN PREMIS DAN AMALAN HAIWAN KESAYANGAN) 2/2015 | 18-19 JUN 2025

**B**engkel ini dianjurkan oleh Majlis Veterinar Malaysia (MVC) dengan objektif untuk menilai dan membincangkan cadangan arahan serta garis panduan baharu berkenaan keperluan premis dan amalan veterinar haiwan kesayangan, khusus bagi klinik dan hospital veterinar. Perbincangan turut merangkumi cadangan pindaan terhadap Arahan Doktor Veterinar (Keperluan Premis dan Amalan Haiwan Kesayangan) 2/2015.

Bengkel ini menghimpunkan wakil pemegang taruh daripada pelbagai persatuan dan institusi pengajian tinggi yang terlibat secara langsung dalam amalan haiwan kesayangan, termasuk Persatuan Perubatan Veterinar

Malaysia (MAVMA), Persatuan Perubatan Haiwan Kesayangan Malaysia (MSAVA), Persatuan Veterinar Sarawak (SVA), Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM), Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), serta ahli Jawatankuasa Pengamalan Veterinar MVC selaku fasilitator.



## PROGRAM ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL "PEGAWAI BERINTEGRITI, MARUAH DIHORMATI, HAK DILINDUNGI" | 20 JUN 2025

**P**ada 20 Jun 2025, Unit Integriti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menganjurkan Program Advokasi Antigangguan Seksual bertemakan "Pegawai Berintegriti, Maruah Dihormati, Hak Dilindungi" yang berlangsung di Dewan Serbaguna, KPKM. Seramai 120 orang peserta telah menyertai program ini yang bertujuan memberi pendedahan menyeluruh berkenaan isu gangguan seksual di tempat kerja serta mengukuhkan kefahaman mengenai hak, saluran perlindungan dan nilai integriti dalam kalangan warga DVS.

Program dimulakan dengan ceramah bertajuk "Celik Hak: Peranan Tribunal Antigangguan Seksual – Saluran Keadilan untuk Mangsa" oleh Puan Nurshuhaida Zainal Azhar, Ketua Seksyen Tuntutan dan Perundangan, Tribunal bagi Antigangguan Seksual, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang memperjelaskan mengenai mekanisme perundangan dan

saluran keadilan yang boleh diakses oleh mangsa gangguan seksual.

Seterusnya sesi kedua mengetengahkan topik "Gangguan Seksual di Tempat Kerja" yang disampaikan oleh ACP Wong Pooi Lin, Penolong Pengarah, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita Dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia yang berkongsi pengalaman penyiasatan kes-kes sebenar berkaitan gangguan seksual, serta pendekatan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang.

Pada sesi petang, peserta telah mengikuti pengisian menarik oleh Coach Airol Irwan. Antara tajuk yang dikongsikan beliau termasuklah "Bentuk-Bentuk Gangguan Seksual", yang menerangkan kategori gangguan seksual secara jelas termasuk gangguan lisan (seperti gurauan lucu, usikan seksual), gangguan bukan lisan (seperti pandangan menjengkelkan,

isyarat lucu), dan gangguan fizikal (seperti sentuhan tanpa kebenaran).



TAHNAH DR HISHAM | 22 JUN 2025



Tahniah diucapkan kepada YBrs. Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik dan Penilaian Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar atas penganugerahan DARJAH SETIA DIRAJA KEDAH (S.D.K.) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman ke-83 pada 22 Jun 2025.

**TAHUKAH ANDA**

**PANDUAN MEMBUAT ADUAN KEBAJIKAN HAIWAN YANG BERKUALITI**

Setiap **ADUAN** berhubung keabjikan dan penganiayaan terhadap haiwan hendaklah disertakan **Maklumat Pengadu yang Lengkap** :

**Nama Penuh**  
**No. Pengenal Diri**  
**No. Telefon**  
**Alamat E-mel**  
**Alamat Kediaman**

Saluran ADUAN  
**MyAnimal Welfare**  
<https://awa.dvs.gov.my>

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Keabjikan Haiwan di talian 03 8870 2000 @ e-mel kepada: [animalwelfare@dvs.gov.my](mailto:animalwelfare@dvs.gov.my)

**5w 1H**

**Siapa** yang terlibat dan yang mengadu ?  
**Apa** kesalahan yang dilakukan ?  
**Bila** kesalahan berlaku ?  
**Di Mana** kesalahan berlaku ?  
**Kenapa** kesalahan berlaku ?  
**Bagaimana** pelanggaran peraturan dilakukan?

Pastikan aduan disertakan **bukti gambar, video atau saksi**

Pihak kami berhak untuk menolak aduan yang diterima **JIKA** maklumat pengadu tidak lengkap

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

## SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA TAHUN 2025 | 23 JUN 2025



**S**ambutan Hari Veterinar Sedunia Tahun 2025 telah diadakan pada 23 Jun 2025 bertempat di Dewan Serbaguna Wisma Tani, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Putrajaya.

Majlis yang dirasmikan YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan ini adalah acara penting yang meraikan sumbangan doktor veterinar kepada kesihatan haiwan, kebajikan dan kesihatan awam.

Ia juga sebagai menghargai jasa veterinarwan yang berusaha dalam memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan dalam negara selain menguar-uarkan perkhidmatan veterinar yang disediakan untuk para stakeholder dan masyarakat.

Dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan pihak kerajaan amat menghargai sumbangan daripada veterinarwan-veterinarwan ini yang telah memainkan peranan penting dalam membangunkan industri ternakan dan haiwan di negara ini.

“Seiring dengan perkembangan industri ternakan di peringkat global, menjadi seorang veterinarwan pada hari ini bukan suatu yang mudah. Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh semua veterinarwan di seluruh dunia. Di dalam pengeluran ternakan misalnya, veterinarwan berperanan untuk memastikan

ternakan di peringkat ladang bebas penyakit, peningkatan pengeluaran dan mematuhi piawaian yang ditetapkan mengikut piawaian persijilan antarabangsa seterusnya boleh bersaing untuk pasaran antarabangsa. Tanggungjawab besar perlu ditanggung oleh para veterinarwan untuk memastikan negara kita juga mampu untuk bersaing seperti negara-negara pengeluar ternakan yang lain”, tambah beliau lagi.

YBhg. Datuk Badrul Hisham yang diiringi Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar turut menyampaikan anugerah berupa plak dan sijil penghargaan kepada Y.H. Datuk Dr. Abd Aziz bin Jamaluddin yang menerima Anugerah Veterinarwan Cemerlang bagi Perkhidmatan Veterinar dan YBhg. Professor Emeritus Datin Paduka Setia Dato' Dr. Aini binti Ideris, penerima bagi kategori Anugerah Veterinarwan Cemerlang bagi Pendidikan Veterinar.

Y.H. Datuk Dr. Abd Aziz dipilih sebagai penerima Anugerah Veterinarwan Cemerlang bagi Perkhidmatan Veterinar berdasarkan kepada sumbangan cemerlang beliau secara kolaboratif dan menyeluruh kepada profesion dan perkhidmatan veterinar bagi pengukuhan kesihatan haiwan, keterjaminan makanan dan kesihatan awam veterinar.

Sementara YBhg. Professor Emeritus Datin Paduka Setia Dato'

Dr. Aini dipilih menerima Anugerah Veterinarwan Cemerlang bagi Pendidikan Veterinar berdasarkan kepada sumbangan beliau yang cemerlang secara kolaboratif dan menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran bagi pendidikan veterinar di pelbagai peringkat di samping menunjukkan kepimpinan dan kecemerlangan secara berterusan dalam akademia pendidikan veterinar.

Dalam majlis tersebut juga telah turut diadakan sesi ceramah bertajuk “Enhancing One Health Strategy To Global Challenges” yang disampaikan oleh YBhg. Professor Emeritus Datin Paduka Setia Dato' Dr. Aini binti Ideris.

Setiap tahun tema Hari Veterinar Sedunia adalah berbeza dan tema tahun ini adalah “Animal Health Takes A Team” yang menekankan kepentingan profesion Doktor Veterinar bekerjasama sebagai satu pasukan dalam memberikan perkhidmatan veterinar yang berkualiti tinggi merentas pelbagai sektor demi kesejahteraan manusia, haiwan dan alam sekitar.

Sambutan Hari Veterinar Sedunia pertama telah diraikan pada 29 April 2000 untuk menonjolkan peranan penting doktor veterinar dalam meningkatkan kesejahteraan haiwan dan manusia, keselamatan makanan dan amalan pengangkutan serta kuarantin haiwan. Pada tahun 2001, persatuan tersebut menetapkan hari Sabtu terakhir bulan April setiap tahun sebagai Hari Veterinar Sedunia.

## DVS SERTAI SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN | 27 JUN 2025

**K**etua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid bersama 50 orang peserta kontinjen DVS hadir menyertai Sambutan Maal Hijrah Tahun 2025 bersamaan 1 Muharam 1447H Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan dengan penuh kemeriahan di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur dengan tema tahun ini "Membangun Ummah MADANI".



### 5 KEPERLUAN ASAS HAIWAN YANG PERLU DIPENUHI

- Keperluan persekitaran yang sesuai
- Keperluan untuk dilindungi daripada kesakitan, penderaan, keceeraan & penyakit
- Keperluan untuk ditempatkan bersama atau berasingan
- Keperluan diet yang sesuai
- Keperluan untuk mempamerkan corak kelakuan semulajadi

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**

MALAYSIA MADANI **Cukup & Tajam** **ASEAN MALAYSIA 2025**

[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

# MARI MEWARNA





**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan,  
Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62624 Putrajaya

Tel: (603) 8870 2000

Faks: (603) 8888 6021

Email: [pro\[at\]dvs.gov.my](mailto:pro[at]dvs.gov.my)